

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
(TANJONG MANIS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.05.2016**

**Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam mengurangkan kebergantungan belanjawan negara daripada hasil dari minyak dan gas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan penurunan harga minyak mentah dunia yang ketara sejak awal tahun 2015 serta kesannya kepada hasil Kerajaan Persekutuan, Bajet 2016

yang dibentangkan pada 23 Oktober 2015 telah diubahsuai pada 28 Januari 2016.

Dalam Bajet 2016 yang diubahsuai, Kerajaan telah menyemak semula andaian harga minyak mentah dunia (*Dated Brent*) daripada USD48 setong kepada paras di antara USD30 hingga USD35 setong. Oleh itu, hasil berkaitan petroleum dianggarkan turut berkurang dengan jumlah di antara RM7 bilion hingga RM9 bilion. Bagi mengimbangi penurunan hasil tersebut serta mengekalkan sasaran paras defisit fiskal tahun 2016 pada 3.1% daripada KDNK dan jumlah hutang di bawah paras 55% daripada KDNK, Kerajaan terus melaksanakan langkah-langkah strategik dalam memperluaskan asas hasil Kerajaan (*broaden the revenue base*) agar tidak terlalu bergantung kepada hasil berkaitan petroleum serta mengoptimum dan mengurangkan ketirisan perbelanjaan mengurus.

Dalam pembentangan pengubahsuaian Bajet 2016, Kerajaan telah mengumumkan langkah meningkatkan pendapatan Kerajaan, antaranya seperti berikut:

- a. Menggandakan usaha pematuhan dan pengauditan terhadap para pengelak cukai atau *tax evaders*;

- b. Memberi pertimbangan khas dengan melonggarkan pengenaan penalti kepada pembayar cukai, bagi menggalakkan pembayar cukai tampil melaporkan pendapatan tahun ke belakang. Tunggakan cukai tersebut perlu dilunaskan sebelum 31 Disember 2016;
- c. Mengurangkan ketirisan hasil di Pulau Bebas Cukai yang dianggarkan hampir 1 bilion ringgit dengan menstruktur semula saluran jualan rokok dan minuman keras iaitu dihadkan kepada Kedai-kedai Bebas Cukai yang dilesenkan oleh Jabatan Kastam Di Raja Malaysia;
- d. Memperketatkan pengecualian cukai kenderaan import dengan meningkatkan penguatkuasaan dan pengauditan;
- e. Mengoptimumkan pendapatan daripada spektrum telekomunikasi melalui pengagihan semula dan proses bidaan; dan
- f. Membangunkan beberapa kawasan strategik milik Kerajaan dengan melaksanakan proses bidaan bagi merancakkan lagi kegiatan ekonomi.

Di samping itu, keutamaan perbelanjaan pembangunan akan disusun semula dengan penekanan diberikan kepada program dan projek pembangunan yang memberi kesan pengganda yang tinggi kepada

ekonomi.

Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) bermula 1 April 2015 telah meluaskan asas cukai. Jumlah kutipan GST pada tahun 2015 adalah sebanyak RM27 bilion dan jangkaan kutipan GST pada tahun ini pula adalah RM39 bilion. Kutipan GST telah membantu mengurangkan kehilangan hasil ekoran harga minyak mentah dunia yang lebih rendah dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berasaskan komoditi yang tidak menentu. Sumbangan hasil berkaitan petroleum kepada jumlah keseluruhan hasil telah menurun kepada 21.5% pada tahun 2015 berbanding dengan 30% pada tahun 2014. Peratusan ini dijangka terus menurun kepada antara 13% dan 14% pada tahun 2016.